



TEKS UCAPAN

PPjB Ts. FARHAN SUFYAN BIN BORHAN

Pengarah,
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
Negeri Kelantan

SEMPENA

MAJLIS KUNJUNGAN HORMAT YAS DATO' Ir. Ts AHMAD
IZRAM BIN OSMAN, TIMBALAN KETUA PENGARAH
(OPERASI) KE NEGERI KELANTAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI
KELANTAN

PADA : 03 FEB 2025

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Terima kasih kepada Saudara dan Saudari Pengacara Majlis serta Pembaca Doa.

[SALUTASI – TERTAKLUK KEPADA PENGESAHAN KEHADIRAN]

YAS Dato' Ir. Ts,

Ahmad Izram Bin Osman,

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

Yang Dihormati,

PgKB I Aswafaizole bin Abdul Wahab

Timbalan Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan

Penolong-Penolong Pengarah Negeri, Ketua-ketua balai, pegawai-pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan , penerima-penerima sumbangan kebajikan,

rakan-rakan media serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya muliakan.

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya, dapat kita bersua pada pagi yang berbahagia ini. Selamat datang diucapkan kepada YAS Dato' kerana sudi untuk berkunjung ke Negeri Kelantan dan pada masa yang sama menyampaikan sumbangan kepada pegawai dan anggota termasuklah waris kepada pegawai-pegawai kita yang telah pergi menyambut panggilan Illahi. Majlis pada hari ini adalah amat penting dalam memastikan kebajikan anggota bomba kita iaitu wira dan wirawati merah kita setanding dengan pasukan uniform yang lain. Aspek ini adalah amat penting dan sewajarnya diberi sepenuh perhatian .

Justeru itu, besarlah harapan saya agar semua pegawai dan anggota bomba di Negeri Kelantan mengetahui jenis, bentuk kebajikan dan nilai perlindungan yang telah diwujudkan. Mungkin ada di antara kita semua yang belum benar-benar cakna mengenai faedah kebajikan kepada anggota bomba. Pelbagai manfaat yang akan diperolehi kepada anda dan juga waris jika anda menjadi ahli setiap

pertubuhan kebajikan tersebut. Antara skop bantuan yang tersedia untuk setiap pegawai Bomba ialah dari Kumpulan Wang Kebajikan Bomba (KWKB), Skim Takaful Berkelompok Pegawai Bomba Sepenuh Masa dan Pegawai Bomba Bantuan (PBB), Koperasi Bomba Dan Penyelamat (KOBOPEM), Kesatuan Pekerja Bomba Dan Penyelamat Semenanjung (KBPSM), Persatuan Kebajikan JBPM, Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN), Pertubuhan Khairat Kematian Negeri selain manfaat-manfaat kebajikan lain untuk pegawai awam seperti Manfaat Pasca Perkhidmatan (Ex Gratia, GCR, Pencen, Ex gratia), Bantuan Mengurus Jenazah serta Kemudahan Perubatan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia 2022).

YAS Dato' dan hadirin sekalian

Pada musim MTL (Monsun Timur laut) yang berlaku di negeri ini pada November dan Disember 2024, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan telah melaksanakan sejumlah 864 operasi penyelamatan dan pemindahan melibatkan jumlah kumulatif 6779 mangsa melibatkan 10 daerah di negeri ini. Pegawai dan anggota telah memberikan sepenuh komitmen dalam memberikan bantuan kepada

mangsa mangsa banjir yang terjejas. Walaubagaimanapun terdapat juga pegawai dan anggota Bomba yang turut sama terjejas banjir, rumah ditenggelami air, kehilangan hartabenda, kenderaan rosak dan lain-lain. Sejumlah 72 orang yang terdiri daripada Pegawai Sepenuh Masa, Pegawai Bomba Bantuan dan Pegawai Gunasama telah terlibat dengan nilai anggaran kerugian keseluruhan dialami mencecah sejumlah RM 682, 500.00. Alhamdulillah tiada kemalangan jiwa dilaporkan dikalangan wira merah kita.

YAS Dato' dan hadirin sekalian

Menjadi tanggungjawab dan peranan semua pegawai dan anggota bomba untuk menyemak keahlian anda dan memastikan rakan sepasukan anda sudah menjadi ahli dalam setiap pertubuhan/persatuan jabatan, mengetahui tatacara permohonan setiap manfaat kebajikan serta berkongsi maklumat kebajikan yang layak diperolehi kepada pasangan atau waris. Penolong-penolong pengarah negeri, Ketua Zon dan Ketua Balai mestilah sama-sama memainkan peranan untuk saling mengingatkan anak buah masing-masing agar sentiasa berhati-hati semasa menjalankan tugas dan semasa pergi atau balik bertugas.

Majlis Penyampaian Sumbangan kepada semua penerima pada hari ini adalah dalam bentuk Sumbangan peribadi, Sumbangan Tabung Wang Ehsan, Sumbangan *Food Basket* dan *Voucher* Pakaian dari Pasaraya Hari-Hari. Sumbangan pada hari ini diharapkan sedikit sebanyak meringankan beban yang ditanggung oleh penerima yang terjejas akibat banjir.

PENUTUP

YAS Dato' dan hadirin yang sekalian,

Sebelum saya noktahkan kalam ucapan ini, sekali lagi saya rakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada YAS Dato' Ir. Ts Ahmad Izram Bin Osman, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) atas kesudian hadir serta sokongan yang diberikan dalam menjayakan program pada hari ini. Saya mohon ampun dan maaf jika terdapat sebarang kekurangan atau kelemahan sepanjang majlis ini berlangsung, Perkara paling penting ialah mengukuhkan ukhwah sesama kita,

saling bermaaf-maafan dan mengeratkan silaturrahim antara hubungan manusia.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya zahirkan kepada jawatankuasa kerja serta semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis yang bermakna ini. Sama-samalah kita bersatu hati dan berganding bahu dengan satu niat yang suci iaitu untuk memberi perkhidmatan kebombaan yang terbaik dan melebihi ekspektasi masyarakat dan tetap mensyukuri kurniaan Yang Maha Esa agar hidup kita sentiasa diredhai lagi diberkati

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.